

08 APR 2001

PATA-Delegasi

DELEGASI PATA HARAP LEBIH PEMAHAMAN DALAM TREND BARU PENGEMBARAAN

Oleh: Zurina Yusof

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Delegasi ke persidangan Persatuan Pengembaraan Pasifik Asia (PATA) ke-50 berharap persidangan tahunan itu akan memberikan mereka lebih pemahaman mengenai trend terkini arena pengembaraan dan pelancongan dunia.

Datang dari pelbagai latar belakang industri pengembaraan dan pelancongan serta pendidikan, delegasi itu berharap bukan sahaja untuk meningkatkan jaringan mereka tetapi juga mendapatkan maklumat mengenai keperluan dan penawaran baru dalam industri itu.

Penolong Pengarah Program Profesional Pengurusan Industri Pengembaraan University of Hawaii di Manoa Rachel Soma berkata maklumat terkini mengenai perkembangan industri berkenaan akan membolehkannya menyediakan kursus yang bersesuaian dengan topik berdasarkan keperluan semasa dan peristiwa.

Beliau percaya bahawa pembentangan oleh barisan penceramah ternama akan boleh membolehkannya memperolehi maklumat sedemikian.

Pengurus Komunikasi Pelancongan Mapan Australia Brad Cox berharap untuk membiasakan dirinya dengan perniagaan yang terdapat di Asia Pasifik kerana industri pelancongan di Asia berkembang pesat.

"Bagi organisasi, ianya melibatkan mesyuarat bagi kebanyakan mereka yang terbabit dalam industri di rantau ini dan juga untuk membiasakan dengan peristiwa perniagaan yang berlaku di seluruh Asia," katanya.

Sementara itu, seorang anggota Lembaga Pengarah Pihak Berkuasa Pelawat Palau Lucy Sugiyama berharap untuk mempelajari dan membawa balik beberapa strategi pemasaran yang bermanfaat kepada kepulauan kecil di Asia Pasifik itu.

"Mungkin terdapat kerjasama antara pulau-pulau dan negara-negara lain untuk mempromosikan destinasi Asia kita yang boleh dilaksanakan," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) esok.

Persidangan yang akan berakhir pada 12 April itu akan meliputi perbincangan yang komprehensif mengenai pelancongan serantau dalam abad ke-21.

Ia juga akan membincangkan secara panjang lebar pelancongan Asia Pasifik daripada sudut pandangan industri penerbangan dan perkhidmatan.

-- BERNAMA

ZUE FR NHD